

www-intern  
r:64-65

# Capaian Internet Asia Berkembang

Oleh RAMLI ABDUL SAMAD

**C**APAIAN internet sering dikaitkan dengan keupayaan sesebuah negara dalam meluaskan lagi pemilihan internet di kalangan warganya. Jika capaian internet di sesebuah negara itu meningkat secara berkadar daripada segi populasi negara, maka, ini juga satu penunjuk bahawa negara itu mengalami kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Sehingga kini tiada sebuah negara di dunia yang mencapai 100 peratus capaian internet. Setakat ini, kadar capaian internet yang melebihi 50 peratus bagi sesebuah negara merupakan sesuatu pencapaian yang sudah boleh dibanggakan. Malah pencapaian pada tahap tersebut sudah memberi status maju kepada negara berkenaan dalam bidang ICT, di samping

mengurangkan jurang digital dalam sesebuah negara tersebut. Negara Iceland dan Jepun merupakan antara negara yang sudah mencapai lebih daripada 50 peratus capaian internet.

Malaysia pada tahun 1995 mempunyai kadar capaian internet sebanyak 3.5 peratus dan angka itu telah meningkat sebanyak 14.5 peratus pada tahun 2002.

Pada tahun 2004 kadar capaian internet Malaysia dijangka meningkat kepada 25 peratus dan mengikut unjuran oleh Persatuan Industri Multimedia (PIKOM), kadar capaian internet Malaysia akan mencecah sebanyak 45 peratus pada tahun 2006.


Malaysia adalah antara negara yang sangat aktif untuk meluaskan lagi pemilihan

internet kepada warganya. Mengikut Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu PBB, Malaysia mempunyai capaian ICT tertinggi di kalangan negara-negara sedang membangun.

ITU telah menjalankan kajian ke atas 178 buah negara dan beberapa negara di Asia merupakan negara yang memiliki akses yang tinggi kepada internet.

Bagaimanapun capaian internet juga bermaksud warga sesebuah negara itu memanfaatkan kemudahan internet.

Salah satu keistimewaan internet ialah kemampuannya dalam mewujudkan perkongsian sesuatu maklumat dalam pelbagai bentuk format secara cepat, tanpa mengira tempat di



## 10 Perisian untuk PC Baru Anda

Jika anda baru membeli PC baru, anda mungkin perlu mendapatkan 10 perisian yang disenaraikan di bawah untuk melengkapkan PC anda sebelum menjelajah lebih jauh lagi. Perisian tersebut juga boleh digunakan sebagai tambahan kepada perisian-perisian yang anda miliki dalam PC baru anda.

### Mozilla 1.5

Perisian ini boleh menggantikan Internet Explorer dalam PC anda. Mozilla 1.5 mempunyai pelbagai ciri untuk melindungi anda daripada iklan popup dan juga menghalang imej yang tidak baik muncul. Segala ciri yang ada dalam perisian ini memudahkan anda dalam pelayaran seharian.

<http://www.mozilla.org/>

### Ashampoo WinOptimizer Platinum Suite 1.13

Perisian ini akan menjamin PC anda dapat berfungsi dengan baik dan lancar. Perisian yang ada di dalam pakej perisian ini ialah Drive Cleaner, Registry Cleaner, Internet Cleaner, DLL Cleaner, Internet Tuner, StartUp Tuner, File Wiper, dan File Associator. Kelapan-lapan perisian ini akan mengendalikan PC anda secara

keseluruhannya.

<http://www.ashampoo.com/>

### Microsoft PowerToys for Windows XP

Windows XP anda boleh ditingkatkan dengan perkakasan yang ada dalam perisian ini. Perisian ini akan meningkatkan Windows XP anda dari segi visual, MP3 dan skin media.

<http://www.microsoft.com>

### Handy Backup 4.0

Perisian ini akan memastikan data dalam PC anda selamat dan tidak diganggu. Data boleh disimpan dalam storan rangkaian atau storan peribadi seperti CD-RW atau LAN. Perisian ini juga mempunyai pengkrip fail yang kuat dan kemudahan mampan fail.

<http://www.handybackup.com/>


### Add/Remove Plus! 2003 v4.0

Perisian ini akan membantu anda membuang segala perisian yang anda tidak mahu. Perisian ini akan membuang terus semuanya daripada PC anda, termasuk dari dalam registry. Perisian ini akan memastikan PC anda bersih daripada perisian hantu dan juga registry haram.

<http://www.aurelitec.com/index.htm>

### Winamp 5.0

Siapa yang tidak kenal perisian ini. Setiap PC wajib mempunyai perisian ini dan perisian ini mempunyai kaitan rapat dengan MP3. Anda boleh mendapatkan sebarang versi Winamp



seluruh dunia, selagi memiliki sambungan internet.


Dengan adanya hubungan internet, manusia boleh membuat transaksi perniagaan dalam talian, misalnya membuat tempahan tiket kapal terbang, hotel, sewa kereta, membayar pelbagai

bil utiliti, malahan membeli pelbagai keperluan harian.

Mutu hubungan internet bertambah baik dengan adanya jalur lebar yang membolehkan penggunaan grafik yang lebih besar, lebih cepat dan mempunyai brekian komersial yang kian mempesonakan pengguna.

Menurut eMarket, sebuah firma penyelidikan yang berpangkalan di New York, penggunaan internet di Asia sama ada melalui talian mahupun wayarles sedang berkembang pesat pada ketika ini. Wilayah Asia kini menjadi sebuah kawasan geografi internet yang terbesar di dunia.

Sebagai contoh, sebanyak 250 juta rakyat negara China dijangka mengaksas internet dalam tempoh dua tahun lagi. India dan China yang kedua-duanya dengan jumlah penduduk sekitar 2.3 bilion akan mempengaruhi dunia informasi dan teknologi komunikasi. Di Korea Selatan pula hampir 59 peratus daripada penduduknya akan menggunakan internet menjelang akhir tahun ini.



#### Ad-aware 6.18

Dengan menggunakan perisian ini, PC anda akan selamat daripada iklan dan perisian spy haram. Perisian ini akan menghalang dan membuang terus kewujudan iklan dan perisian spy haram ini daripada PC anda. Perisian ini mudah digunakan walaupun anda masih baru.

<http://www.lavasoft.de/>

#### ZoneAlarm 4.5.58

Perisian ini akan menghalang pencerobohan terhadap PC anda, serta akan melindungi anda dan PC anda semasa melayari web. Anda akan diberitahu jika ada sebarang perisian haram yang mahu penceroboh sistem PC anda. Perisian ini mudah digunakan dan mampu menyelamatkan PC anda.

<http://www.zonelabs.com>

#### avast! 4 Home Edition

Perisian antivirus percuma ini akan mengimbas virus, pepijat dan kuda Trojan. Perisian ini mudah digunakan dan mempunyai antara muka yang mudah dikuasai. Perisian ini akan dikemas kini secara mingguan dan apabila wujud keperluan, avast! 4 Home Edition juga mempunyai kemampuan mengimbas e-mel yang

<http://www.avast.com/>

## Tiga Produk Baru TM Net

TM Net baru-baru ini memperkalkan tiga pakej tambahan nilai yang lebih khusus kepada mereka yang sering mengembara. Produk-produk tersebut adalah TM Net Prepaid ONE Card, Netmyne e-Travel dan TM Net Broadband Global Roaming. Produk-produk yang telah berada di pasaran sejak Januari 2004 ini disasarkan kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME) dan industri kecil dan sederhana (SMI).

Kad prabayar TM Net memberi kemudahan tiga dalam satu dan boleh digunakan untuk kesemua perkhidmatan prabayar TM Net seperti TM Net 1515 dan laluan internet 1525, perkhidmatan TM Net Hotspot, VOIP (Hyppo Talk) dan perkhidmatan tambah nilai e-mel dengan Virus Shield dan anti-spamming power-surf serta pembayaran mikro GameZone.

Netmyne e-Travel merupakan satu kemudahan yang membenarkan pelanggan melakukan tempahan masa nyata secara talian bagi penerbangan dan tempat penginapan serta pembelian secara talian tanpa perlu melalui agen pelancongan. Produk ini memberi manfaat yang besar kepada orang perseorangan dan pengembara korporat dari segi penjimatan. Pengembara mempunyai laluan ke 45 syarikat penerbangan utama dan 13 ribu buah hotel di seluruh dunia menerusi *Global Distribution System (GDS)* dan *Central Reservation System (CRS)*.

TM Net Broadband Global Roaming pula lebih khusus kepada pengembara yang perlu sentiasa berhubung dengan pejabat mereka dan mempunyai laluan internet di mana sahaja mereka berada. Kemudahan ini menyediakan perkhidmatan jalur lebar di luar negara, tidak kira di mana mereka berada. Kemudahan roaming memberi pelanggan kebebasan untuk bergerak ke mana sahaja dan menikmati kemudahan internet berkelajuan tinggi menerusi rangkaian Hotspot global tanpa wayar. Rakan global TM Net, iPass akan memberi laluan kepada lebih 5000 lokasi jalur lebar di Amerika Syarikat, United Kingdom, China, Australia, New Zealand, Jepun dan Singapura.

Untuk meningkatkan perkhidmatan jalur lebar, TM Net telah menambah empat lagi STM (synchronous transfer mode) kepada 11 STM yang telah sedia ada. Ketiga-tiga produk terbaru TM Net ini telah dilancarkan oleh CEO TM Net, Dato' Baharum Salleh di Pulau Pangkor, baru-baru ini.

dan mampu menikmati lagu MP3, WMA dan juga video. Anda pasti berasa puas hati dengan Winamp.

<http://www.winamp.com/>

#### OpenOffice 1.1

Perisian ini merupakan alternatif pada MS Office. Jika anda tidak mampu memiliki perisian MS Office yang asli, dapatkanlah perisian ini. Hal ini kerana *OpenOffice 1.1* percuma dan mempunyai fungsi yang sama dengan perisian popular itu. *OpenOffice.org* mempunyai perisian-perisian seperti memproses perkataan, program hampan helaian, pengurus persembahan dan program lukisan.

<http://www.openoffice.org/>